

ABSTRAK

Internet telah menjadi satu kelaziman di dalam masyarakat masa kini. Fenomena digital ini telah mengubah kehidupan kita dalam pelbagai cara. Internet juga telah menjadi satu alat yang amat penting bagi guru dan pelajar. Pelajar, terutamanya, kini amat bergantung kepada Internet sebagai satu sumber maklumat. Pelajar sering memilih Internet sebagai sumber maklumat yang utama.

Kajian ini memerhatikan bagaimana pelajar mengumpul maklumat melalui Internet. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat samada pelajar yang mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang berbeza mengumpul maklumat melalui Internet dengan cara yang berbeza. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi proses tersebut.

Data telah dikumpul melalui pemerhatian yang dilakukan ke atas subjek-subjek semasa mereka menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat melalui Internet.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang berbeza sememangnya mengumpul maklumat melalui Internet dengan cara yang berbeza. Selain daripada itu, kajian ini juga telah mengenal pasti faktor yang berkaitan dengan bahasa, pengalaman lepas subjek, aktiviti utama subjek semasa menggunakan Internet, rekabentuk laman web dan perbezaan individu sebagai faktor-faktor lain yang mungkin juga mempengaruhi proses pengumpulan maklumat melalui Internet.

ABSTRACT

The Internet has become a ubiquitous feature in society today. This digital phenomenon has in many ways changed the way we live our lives.

The Internet has also become an indispensable tool for teachers and learners. Learners, especially, have come to rely more heavily on the vast resources available on the Internet. One of the first places they often turn to for information on assignments would be the Internet.

This study looks at how learners gather information via the Internet to discover whether students of differing English proficiency levels perform differently in an Internet information gathering activity. It also seeks to identify any other possible factors which may influence their performance.

Data were primarily collected via observations made while the subjects carried out an online Internet treasure hunt.

This study has shown that students of differing English proficiency levels do indeed perform differently in the information gathering activity via the Internet. Apart from that, it has also identified language related factors, prior experience, the subjects' main Internet activity, interface design and individual differences as possible factors which influenced their performance in the activity.